

E-mel - Soalan Lazim Notifikasi

A. Notifikasi Kertas Bercetak

1. Adakah saya masih menerima Notifikasi Kertas Bercetak?

Jika sebelum ini anda memilih untuk penyata e-mel, anda akan menerima notifikasi e-mel secara automatik berkuat kuasa 3 Disember 2022 dan seterusnya.

Jika anda tidak melanggan penyata e-mel, anda akan terus menerima notifikasi kertas bercetak.

2. Apakah akaun yang akan menerima notifikasi e-mel?

Semua akaun Pemilik Individu dan Tunggal yang dilanggan untuk penyata e-mel akan menerima notifikasi e-mel untuk produk yang disenaraikan di bawah:

- Deposit/-i
- Pinjaman/Pembiayaan-i
- Kad Kredit
- Kad Debit/-i
- Insurans/ Takaful

3. Bagaimanakah saya boleh meminta Notifikasi Kertas Bercetak?

Untuk meminta Notifikasi Kertas Bercetak, sila kunjungi cawangan Hong Leong Bank berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-7626 8899.

Setelah permintaan dibuat, anda akan terus menerima Notifikasi Kertas Bercetak secara percuma, melainkan BNM meluluskan pengenaan yuran pada masa akan datang.

4. Bagaimana untuk saya menghentikan notifikasi kertas bercetak?

Anda boleh membuat permintaan untuk menghentikan notifikasi kertas bercetak dan bertukar ke notifikasi e-mel. Sila rujuk Soalan B4 di bawah bagaimana untuk melanggan notifikasi/ penyata e-mel.

B. Notifikasi e-mel

1. Apakah notifikasi e-mel?

Notifikasi e-mel adalah versi notifikasi elektronik akaun. Anda akan menerima notifikasi ini melalui e-mel yang dihantar ke alamat e-mel berdaftar anda apabila anda melanggan Notifikasi E-mel (Individu dan Pemilik Tunggal sahaja).

2. Adakah saya perlu membayar untuk notifikasi e-mel?

Tidak, perkhidmatan notifikasi e-mel diberikan kepada anda secara percuma.

3. Adakah selamat untuk menggunakan notifikasi e-mel?

Ya, notifikasi e-mel adalah selamat.

4. (Individu dan Pemilik Tunggal sahaja) Bagaimanakah saya boleh melanggan Notifikasi E-mel?

Pelanggan boleh mendapatkan Notifikasi E-mel dengan cara berikut:

a. Perbankan Dalam Talian HLB Connect

Langkah 1: Log masuk ke www.hongleongconnect.com.my

Langkah 2: Klik "Statement/ Invoice">"Email Subscription" > "Statement Subscription"

Langkah 3: Tandakan "Stop Hard Copy Statement" untuk pilihan akaun anda

Langkah 4: Tandakan "Email Subscription"> masukkan alamat e-mel pilihan anda dan klik "Submit".

Jika sebelum ini anda memilih untuk penyata e-mel, anda akan menerima notifikasi e-mel secara automatik.

Jika anda bukan pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect, sila rujuk panduan dalam pautan di bawah.

<https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/hong-leong-connect/guide/connect-registration.html>

b. ATAU hubungi Pusat Panggilan kami di 03-7626 8899

c. ATAU kunjungi mana-mana cawangan HLB.

5. Bilakah saya akan mula menerima notifikasi e-mel saya jika saya mendaftar untuk notifikasi e-mel sekarang?

Anda akan menerima Notifikasi E-mel pertama anda mulai 3 Disember 2022 dan seterusnya.

6. (Individu dan Pemilik Tunggal sahaja) Bolehkah saya menukar alamat e-mel saya untuk Notifikasi E-mel?

Ya, anda boleh menukar alamat e-mel anda dengan cara berikut:

a. Perbankan Dalam Talian HLB Connect

Langkah 1: Log masuk ke www.hongleongconnect.com.my

Langkah 2: Pergi ke "Home" dan Klik "Statement/Invoice" > "Email Subscription"

Langkah 3: Pergi ke "Statement Subscription" untuk menukar alamat e-mel anda

b. ATAU hubungi Pusat Panggilan kami di 03-7626 8899

c. ATAU kunjungi mana-mana Cawangan HLB.